

Bank Rakyat taja burung nuri zoo

Oleh Khairunnisa Kamarudin



SAMBUT ULANG TAHUN: Kamaruzaman (kiri) bergambar kenangan bersama Mohd Seth (kanan) dan maskot Nuri pada majlis ulang tahun Kelab Nuri Bank Rakyat dan Pelancaran 'Train Hut' di Zoo Negara, semalam. - Foto Bernama

KUALA LUMPUR: Bank Rakyat meneruskan pakej tajaan bernilai RM42,150 untuk menanggung perbelanjaan penjagaan 15 burung nuri dan pondok perhentian kereta api atau 'Train Hut' di Zoo Negara sempena ulang tahun pertama penubuhan Kelab Nuri.

Pengarah Urusan Bank Rakyat, Datuk Kamaruzaman Che Mat, berkata pondok itu boleh digunakan sebagai tempat menunggu kereta api atau berehat selepas penat bersiar-siar di sekitar zoo.

Selain itu, katanya, Bank Rakyat membina Sudut Foto Kelab Nuri yang memberi peluang kepada pengunjung mengabadikan kenangan bersama burung nuri.

Burung nuri selain burung jenis lain kerap menjadi tumpuan pengunjung ke Zoo Negara, terutama kanak-kanak dan rombongan sekolah pada musim cuti persekolahan dan cuti hujung minggu kerana keunikan warna dan gelagat burung terbahit.

Selain itu, burung berkenaan turut menjadi tumpuan ketika pertunjukan haiwan di zoo berkenaan, terutama kebijaksanaannya melakukan pelbagai aksi dan kebolehan.

Mengulas mengenai perkembangan keahlian Kelab Nuri, beliau berkata Bank Rakyat menerima sambutan menggalakkan.

"Kami percaya melalui pelbagai program dan promosi, bilangan ahli akan bertambah kerana banyak faedah diterima sebagai ahli kelab ini.

"Ini termasuk keistimewaan seperti diskaun menarik melalui 12 rakan perniagaan Kelab Nuri di seluruh negara," katanya selepas merasmikan majlis ulang tahun Kelab Nuri dan pelancaran Train Hut di Zoo Negara di sini, semalam.

Turut hadir Naib Presiden Persatuan Zoologikal Malaysia, Mohd Seth Ismail dan 100 ahli Kelab Nuri yang diundang khas. Pada majlis itu, acara sambutan hari lahir untuk ahli kelab yang lahir pada bulan ini turut diadakan.

Kamaruzaman berkata, sambutan hebat juga terbukti menerusi portal www.kelabnuri.com.my berkonsepkan pendidikan dan hiburan yang merekodkan jumlah pengunjung kira-kira 1.5 juta orang.

Katanya, Bank Rakyat menjadi lebih bersemangat untuk meningkatkan mutu perkhidmatan dengan menggalakkan lebih banyak syarikat yang berminat bekerjasama memberikan lebih banyak kemudahan kepada ahli kelab.

Setakat ini, katanya Bank Rakyat mempunyai seramai 420,369 pemegang akaun Simpanan I Nuri dengan nilai simpanan RM104.6 juta.